



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**SESI MUZAKARAH DI ANTARA AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA
DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
serta JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA**

Hari Rabu, 17 Rejab 1444H / 8 Februari 2023M

Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Sesi Muzakarah di antara Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada hari Rabu, 17 Rejab 1444H bersamaan 8 Februari 2023M bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku pengerusi semasa Sesi Muzakarah tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap, Yang Mulia Timbalan Setiausaha Tetap berserta ketua-ketua jabatan dan bahagian Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Manakala rombongan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah diketuai oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, yang mana juga telah menyampaikan ucapan balas semasa permuzakarahan tersebut.

Menerusi Sesi Muzakarah ini, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengongsikan peranan kementerian ini sebagai fasilitator utama untuk memastikan kesemua pihak adalah sejajar ke arah pencapaian aspirasi Economic Blueprint dan matlamat Wawasan 2035. Selain daripada itu, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah mendengarkan inisiatif-inisiatif dan pencapaian-pencapaian Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi tahun 2022.

**Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh: 17 Rejab 1444H
 08 Februari 2023M